

Bahaya selepas banjir

» Air bah ada ratusan jenis bahan kimia berbahaya

Oleh Suzan Ahmad
suzan@bharian.com.my

Banjir menjejaskan jutaan manusia di seluruh dunia. Setiap tahun, kerugian akibat bencana alam ini membatikan jutaan ringgit, malah dianggap sebagai bencana alam nombor satu yang menjejaskan ekonomi. Tidak kira besar atau kecil kerosakan akibat bencana banjir, mengambil langkah beringat

sebelum kena dan mencegah sebelum mengubati adalah lebih baik sebelum nasi menjadi bubur.

Panduan berguna

Banyak panduan berguna yang boleh diamalkan untuk persediaan ketika berhadapan banjir dan selepas banjir di kejiranan anda. Antaranya elakkan mengharung air kerana ia perbuatan yang berbahaya. Air banjir boleh mengalir laju. Tanpa disedari anda boleh dihanyutkan dan lemas. Air banjir juga

mengandungi ratusan jenis bahan kimia berbeza yang boleh membahayakan tubuh. Malah, bakteria dan mikro organisma lain boleh menyebabkan penyakit dan jangkitan.

Memandu dalam banjir juga harus dielakkan. Ia bukan saja mendedahkan anda kepada risiko, malah kereta yang dipandu boleh dihanyutkan air yang hanya setinggi beberapa inci saja. Sentiasa peka dengan Sistem Amaran Banjir, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia. Setiap sungai punya

baan paras yang unik. Setiap kali amaran dihantar menerusi sistem pesanan SMS, bersedialah. Ramai menyangka mereka berada di luar kawasan banjir, tetapi itu tidak benar. Apabila sungai mencecah paras banjir tertentu, akibatnya boleh membawa padah.

Jangan gunakan elektrik selepas banjir. Ingat bahawa pendawaian elektrik dan air tidak boleh bercampur. Berdiri di dalam air dan cuba untuk menanggalkan wayar elektrik juga sangat berbahaya.

Sentiasa beringat

Mengendalikan haiwan seperti ular, tikus dan haiwan terbiar selepas banjir boleh menjadi sangat berbahaya. Sekali digigit, anda boleh dijangkiti penyakit. Jadi jangan sesekali mengendali mahupun mendekati haiwan terbiar selepas banjir. Sentiasa beringat bahawa serangga juga boleh menyebabkan pelbagai penyakit selepas banjir melanda.

Pakai pelindung pakaian dan sarung tangan kerana ia mampu mengelakkan dari bahan kimia, haiwan dan

serpihan sampah dan runtuhan yang boleh membawa penyakit dan kecederaan. Pakai topeng muka juga bagus ketika membersihkan kediaman selepas banjir kerana kulat dan bahan kimia boleh menyebabkan masalah respiratori.

Apabila rumah dibanjiri air, ini bermakna tangki septik dan sistem kumbahan juga sama. Ingatlah bahawa sisa kumbahan mentah sangat berbahaya dan membawa pelbagai jenis ejen jangkitan. Pastikan sistem pembetungan kembali pulih sebelum memulakan rutin harian anda.

Sebelum menerima kebenaran rasmi mengenai kualiti air di kediaman anda, jangan sesekali cuba minum air. Dapatkan kepastian pakar untuk menguji tahap kualiti air. Jika tidak, minuman botol adalah pilihan terbaik. Makanan yang tersimpan di tempat penyimpanan makanan juga adalah berbahaya selepas banjir. Kelembapan yang tinggi dan kehadiran serangga boleh menyebabkan makanan kering terjejas.

Selain itu, memiliki skill bantuan kecemasan seperti teknik bantuan pernafasan CPR juga penting bukan saja buat diri anda tetapi juga orang tersayang.

